

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

PERTANDINGAN PENGUMPULAN E-WASTE ANTARA SEKOLAH

1. Tempoh pengumpulan e-waste adalah daripada **1 September 2023 hingga 15 Oktober 2023**;
2. Penyertaan terbuka kepada sekolah (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah) di **Bahagian Kuching** dan **Bahagian Samarahan** sahaja (1 sekolah 1 penyertaan);
3. Sijil Penyertaan akan diberi kepada sekolah yang menyertai Pertandingan Pengumpulan E-Waste ini;
4. Seorang guru penyelaras hendaklah dilantik oleh pihak sekolah. Pihak Urusetia dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak akan mewujudkan *Whatsapp Group* antara urusetia dan guru penyelaras bagi memudahkan urusan komunikasi;
5. Borang penyertaan hendaklah dihantar kepada pihak Urusetia Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak melalui Kod QR sebelum atau pada **30 September 2023**;
6. Guru penyelaras hendaklah membuat pemakluman mengenai program pengumpulan e-waste kepada semua warga sekolah dan menyelaras aktiviti pengumpulan e-waste daripada warga sekolah;
7. Ruangan/stor penyimpanan sementara e-waste yang tidak terdedah kepada cahaya matahari atau hujan hendak disediakan oleh pihak sekolah;
8. Pihak sekolah juga hendaklah mengatur jadual kutipan e-waste dengan **kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan** atau **pusat pengumpulan yang berdaftar**. Senarai kemudahan pemerolehan kembali yang dilesenkan dan pusat pengumpulan berdaftar boleh dicapai melalui laman sesawang <https://ewaste.doe.gov.my/index.php/about/list-of-collectors/>
9. Inventori pengumpulan e-waste hendaklah dihantar kepada pihak Urusetia bagi tujuan rekod; dan
10. Sebarang pendapatan yang diperolehi hasil daripada aktiviti pengumpulan e-waste adalah milik pihak sekolah.

MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI:

082-482535

(UNIT PENGAWASAN & KESEDARAN ALAM SEKITAR,
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK)